



**Circular No 157/2021
Dated 6 May 2021**

To Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers

UPDATE | Stringent Approvals for Interstate Travel

We refer to [Circular No 141/2021](#) entitled “Stringent Approvals for Interstate Travel”, dated 21 Apr 2021.

The Bar Council had written to the then-Deputy Inspector-General of Police (“DIGP”) on 21 Apr 2021 seeking clarification and exemption for Members of the Bar from the interstate travel ban from Friday to Sunday to attend court hearings and for work-related matters.

As the initial email from the IGP Secretariat (Legal) Chief, SAC Tuan Ahmad Dzaffir bin Mohd Yussof (“SAC Tuan Ahmad”), in response to our letter was unclear with regard to our queries, we sought further clarification by email dated 5 May 2021.

SAC Tuan Ahmad has, via his email of 6 May 2021, confirmed as follows:

- (1) Members are **allowed** to travel interstate at **any day of the week** for **work purposes**; and
- (2) Members do not have to apply for police permit to travel interstate for work purposes. However, Members must bring with them a **valid and official letter from their employers**, which they are required to produce when asked to do so, at police roadblocks.

The employer’s letter must contain the following details:

- (i) **Name of the lawyer**
- (ii) **Reason for travel**
- (iii) **Travel dates and duration**
- (iv) **Any other necessary supporting document(s)**

The emails are reproduced below for your reference.

We hope that the information provided here is of assistance to Members.

Thank you.

Shahareen Begum
Secretary
Malaysian Bar

From: **Ketua Bahagian Perundangan PDRM Urus Setia KPN (Pentadbiran)**

Date: Wed, 5 May 2021, 11:50

Subject: **PERMOHONAN PEGUAM RENTAS NEGERI ATAS TUJUAN PEKERJAAN**

Puan Shahareen Begum,

Setiausaha

Wisma Badan Peguam Malaysia

2 Leboh Pasar Besar

50050 Kuala Lumpur.

Assalamualaikum Puan,

MEMOHON PENJELASAN ATAU PENGECUALIAN LARANGAN MERENTAS NEGERI PADA HARI JUMAAT HINGGA AHAD BAGI PEGUAM-PEGUAM YANG DIKEHENDAKI MENGHADIRI SIDANG MAHKAMAH DI LUAR NEGERI MASING-MASING SERTA PERGERAKAN ATAS URUSAN KERJA

Surat Badan Peguam Malaysia bertarikh 21 April 2021 dalam rujukan BC/CEN/POL/15/2021 (BC/PA/CLC/17/2021) berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Penetapan kebenaran permohonan pergerakan rentas negeri pada hari Isnin hingga Khamis adalah tertakluk kepada pemohon yang ingin membuat permohonan rentas negeri bagi alasan selain daripada urusan pekerjaan, perubatan, kematian, pendidikan dan pasangan jarak jauh.

3. Justeru itu, permohonan peguam membuat pergerakan rentas negeri bagi **tujuan pekerjaan adalah dibenarkan.**

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

t.t.

(Ahmad Dzaffir Bin Mohd Yussof) SAC

Ketua Urus Setia KPN (Perundangan) PDRM

Urusetia Pejabat KPN

Bukit Aman.

From: Ketua Bahagian Perundangan PDRM Urus Setia KPN (Pentadbiran)

Date: Thu, May 6, 2021 at 9:22 AM

Subject: **Re: PERMOHONAN PEGUAM RENTAS NEGERI ATAS TUJUAN PEKERJAAN**

Encik Ariff Erzanie Ramli,

Executive Officer

CPD Department

Wisma Badan Peguam Malaysia

2 Leboh Pasar Besar

50050 Kuala Lumpur.

Assalamualaikum Encik,

MEMOHON PENGESAHAN MENGENAI KEBENARAN PERGERAKAN RENTAS NEGERI BAGI TUJUAN PEKERJAAN UNTUK PEGUAM

E-mel Encik bertarikh 5 Mei 2021 berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Maklum balas pejabat ini berkenaan persoalan pihak Encik adalah seperti berikut:-

2.1 **Persoalan 1:** Adakah permohonan pergerakan rentas negeri bagi tujuan pekerjaan untuk peguam adalah terpakai untuk hari Jumaat hingga Ahad?

Maklum Balas: Peguam **BOLEH** membuat pergerakan rentas negeri **pada bila-bila masa bagi tujuan pekerjaan**. Peguam tidak tertakluk kepada penetapan pergerakan rentas negeri pada hari Isnin hingga Khamis ataupun pada hari Jumaat hingga Ahad.

2.2 **Persoalan 2:** Adakah peguam yang ingin merentas negeri bagi tujuan pekerjaan harus memohon kebenaran daripada balai polis ataupun surat majikan sudah memadai?

Maklum Balas: Peguam tidak perlu memohon kebenaran daripada balai polis. Peguam hanya perlu mengemukakan **surat majikan yang sah** kepada petugas di Sekatan Jalan Raya sahaja. Walau bagaimanapun, surat majikan tersebut perlulah mengandungi **butiran maklumat yang lengkap** berkaitan pergerakan peguam tersebut seperti:-

2.2.1 Nama Peguam

2.2.2 Tujuan Pergerakan

2.2.3 Tarikh / Tempoh Pergerakan

2.2.4 Lain-lain maklumat yang difikirkan perlu (sebagai sokongan)

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

t.t.

(Ahmad Dzaffir Bin Mohd Yussof) SAC
Ketua Urus Setia KPN (Perundangan) PDRM
Urusetia Pejabat KPN
Bukit Aman.